

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	19 AUGUST 2016

Rakyat, negara terima manfaat dasar luar

BH- 19/8/2016

→ Pendekatan kerjasama jamin keamanan, peningkatan ekonomi: PM

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

► Putrajaya

Datuk Seri Najib Razak yakin dasar luar negara di bawah pentadbirannya yang bersandarkan kerjasama dan persefahaman mampu memberi banyak manfaat selain, membawa kesejahteraan kepada rakyat dan negara.

Perdana Menteri berkata, pendekatan berbeza itu dipilihnya berbanding amalan pemimpin dulu yang selama dua dekad banyak menekankan dasar luar bersifat konfrontasi dan mengundang pertikaian dengan negara lain, yang berkemungkinan hanya untuk manfaat populariti peribadi.

“Tapi, bila saya menjadi Perdana Menteri, saya pilih dasar yang berbeza dengan pendekatan lama ke-

rana percaya dasar luar Malaysia seharusnya berkaitan pembinaan jalinan kerjasama yang memanfaatkan negara dan rakyat.

“Saya mengutamakan kepentingan nasional berbanding kepentingan politik peribadi. Membangunkan hubungan dan kerjasama ekonomi dengan negara lain berupaya menjamin keamanan, keselamatan dan kesejahteraan untuk rakyat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Dwitahunan Pertubuhan Komanwel bagi Pentadbiran Awam dan Pengurusan (CAPAM) 2016 di sini, semalam.

Tegas Perdana Menteri, Malaysia percaya menerusi transformasi ekonomi dan dasar luar negara berasaskan peningkatan hubungan serta dagangan antara satu sama lain adalah laluan kepada keamanan, keselamatan dan per-

tumbuhan kepada semua.

Pendekatan kesederhanaan

“Ini akan membawa kepada masa depan yang bersandarkan kerjasama dan bukan pertikaian. Seperti yang saya katakan, kita memilih supaya hubungan dasar luar negara tidak lagi digambarkan dengan kata-kata kasar dan ulsan pedas, sebaliknya mengambil pendekatan kesederhanaan,” katanya.

Beliau berkata, pendekatan itu memperlihatkan banyak kelebihan untuk negara dan rakyat, contoh terdekat adalah rundingan isu legasi dengan Singapura pada tahun 2010, selepas 20 tahun tiada penyelesaian.

“Tahun lalu kita bekerjasama dengan Indonesia, Thailand, Myanmar dan Bangladesh bagi menangani isu migran di laut. Ini antara contoh bagaimana kita memilih

semangat persahabatan dan kelebihan kebersamaan serta meletakkan apa sahaja yang menjadi penghalang di belakang.

“Sebagai contoh, Malaysia dan China sudah lama menjalin hubungan dagangan sehingga mampu melonjakkan lebih 10 peratus daripada pertumbuhan ekonomi setahun.

“Kita juga terbabit dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) tanpa mengorbankan kepentingan negara, malah dasar Bumiputera turut ada dalam perjanjian itu,” katanya.

Tegas beliau, Malaysia tidak menerima campur tangan asing dalam hal ehwal dalaman sesebuah negara dan pendirian negara jelas iaitu era di mana kuasa luar yang menjajah dan menentukan bagaimana sesebuah negara itu harus bertindak dalam aspek politik, ekonomi atau budaya sudah berlalu.